



PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur 18 tahun dan tidak lebih dari 54 tahun pada tarikh tutup iklan yang berkelayakan dan keutamaan diberi kepada rakyat Negeri Kelantan untuk mengisi jawatan-jawatan berikut :-

BIL.	JAWATAN	GRED	SYARAT KELAYAKAN
1	PENOLONG AKAUNTAN (1 kekosongan)- KONTRAK	W5	SIJIL/DIPLOMA
2	PEMBANTU MUZIUM (1 kekosongan)- TETAP	S1	SPM
3	PEMBANTU KHIDMAT AM (1 kekosongan)- TETAP	H1	SPM

Maklumat lengkap jawatan kosong ini boleh didapati di laman web Perbadanan Muzium Negeri Kelantan di <https://www.muzium.kelantan.gov.my/>

PERHATIAN KEPADA PEMOHON :-

1. Pemohon hendaklah menggunakan **Borang PMNK 1 (Pin. 1/2026)** yang boleh dibeli di **Pejabat Perbadanan Muzium Negeri Kelantan**.
2. Borang Permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertai **gambar berukuran passport, salinan Sijil Kelahiran, Kad Pengenalan, Sijil-Sijil Persekolahan dan Kelulusan Akademik** yang berkaitan dan telah **disahkan** daripada salinan asal.
3. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan tuan/puan tidak berjaya.

Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah di hantar kepada :

**PENGARAH,
PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN,
JALAN HOSPITAL, 15000 KOTA BHARU.**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 8 Mac 2026

Rujukan : MUZIUM(KN) : 8/2/Jld. I/()

SYARAT PERMOHONAN

Jawatan (1)

- a) Jawatan : **Penolong Akauntan, Gred W5**
- b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- c) Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan
- d) Taraf Jawatan : Kontrak
- e) Kekosongan : 1

1.1 Jadual Gaji

- Imbuhan Tetap Khidmat Awam : RM160.00
- Imbuhan Tetap Perumahan : RM300.00
- Bantuan Sara Hidup : RM300.00

1.2 Syarat Lantikan

- a) Sijil dalam bidang Pengajian Perniagaan atau Penyimpanan Kira yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred W5 : RM1,650.00); atau
- b) *Certified Accounting Technician (CAT)* yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji Permulaan pada Gred W5 : RM1,650.00); atau
- c) Diploma Perakaunan atau Diploma dalam bidang Pengajian Perniagaan, Kewangan atau Perbankan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred W5 : RM1,893.00); atau
- d) *Licentiate of the Chartered Institute of Secretaries Of Administrators Of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred W5 : RM2,136.00)
- e) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurangkurangnya Gred C dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh

Kerajaan.

1.3 Deskripsi Tugas

Bertanggungjawab melaksana, menyelia sistem dan operasi berkaitan dengan akaun Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, akaun pembayaran gaji, kutipan hasil, terimaan hasil, klasifikasi hasil, penyelenggaraan buku tunai, daftar deposit, amanah dan penyediaan laporan tahunan.

Jawatan (2)

- | | | |
|-----------------------------|---|-------------------------------------|
| a) Jawatan | : | Pembantu Khidmat Am, Gred H1 |
| b) Kumpulan Perkhidmatan | : | Pelaksana |
| c) Klasifikasi Perkhidmatan | : | Kemahiran |
| d) Taraf Jawatan | : | Tetap |
| e) Kekosongan | : | 1 |

2.1 Jadual Gaji

- | | | |
|----------------------------|---|----------|
| Imbuhan Tetap Khidmat Awam | : | RM115.00 |
| Imbuhan Tetap Perumahan | : | RM300.00 |
| Bantuan Sara Hidup | : | RM300.00 |

2.2 Syarat Lantikan

- a) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00);atau
- b) Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00);atau
- c) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00);atau
- d) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00).

2.3 Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2.4 Deskripsi Tugas

Melaksanakan tugas-tugas am bersifat hands-on yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.

Jawatan (3)

- a) Jawatan : **Pembantu Muzium, Gred S1**
- b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- c) Klasifikasi Perkhidmatan : Sosial
- d) Taraf Jawatan : Tetap
- e) Kekosongan : 1

3.1 Jadual Gaji

- Imbuhan Tetap Khidmat Awam : RM115.00
- Imbuhan Tetap Perumahan : RM300.00
- Bantuan Sara Hidup : RM300.00

3.2 Syarat Lantikan

- a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam salah satu subjek Sejarah, Kesusasteraan, Sains, Geografi, Fizik, Kimia atau Biologi pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S1: RM1,500.00);atau
- b) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S1: RM1,561.00);atau
- c) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S1: RM1,622.00).

3.3 Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3.4 Deskripsi Tugas

Membantu Penolong Kurator menjalankan penyelidikan dan mengumpulkan koleksi-koleksi Muzium. Membantu menyelenggarakan bahagian pemulihan, membaik pulih, mengawet dan membersihkan koleksi Muzium untuk dipamerkan. Melukis plan bangunan, ubahsuai bangunan, pejabat atau makmal, plan susun atur balai pameran, plan peti pameran, pemetaan untuk aktiviti cari gali dan sebagainya.